

## **Bab 3**

### **Pembentukan Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam**

#### **Pendahuluan**

Majoriti orang Cina memilih selatan Vietnam sebagai tempat yang sesuai untuk bermastautin berbanding dengan utara Vietnam. Faktor utama yang mendorong mereka membuat keputusan tersebut adalah berkait rapat dengan dasar terbuka yang diamalkan oleh kerajaan Nguyen di selatan Vietnam.

Bab ini membincangkan sebab-sebab orang Cina memilih selatan Vietnam sebagai tempat tinggal tetap mereka pada abad ke-17 hingga abad ke-18. Kawasan kediaman orang Cina di selatan Vietnam juga dikaji dalam bab ini.

#### **Sebab kebanyakan Orang Cina Memilih Tinggal di Selatan Vietnam**

Sebelum abad ke-17, ramai imigran Cina berhijrah dari China ke utara Vietnam. Namun, corak penghijrahan ini telah berubah selepas kejatuhan kerajaan Ming di China pada tahun 1644. Ramai pelarian politik telah melarikan diri dari China dan berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik. Kebanyakan orang Cina memilih untuk tinggal di selatan Vietnam disebabkan dasar yang diamalkan oleh selatan Vietnam.

Sebelum Vietnam berpecah kepada dua buah kerajaan pada tahun 1558, Vietnam berjaya menuntut kemerdekaan daripada penjajah China pada tahun 938. Semasa dinasti Ly (1009-1225) di Vietnam, wujudnya isu tentang kedudukan etnik Cina sebagai penduduk asing di Vietnam dan bagaimana mereka harus dilayan. Justeru itu, wujudnya dasar

asimilasi terhadap etnik Cina. Maka pada era dinasti Ly (1009-1225) dan dinasti Tran (1226-1400), dasar asimilasi ini diaplikasikan kepada sarjana dan pegawai Cina yang terlibat dalam pentadbiran yang tinggal di Vietnam. Kepada orang Cina yang ingin mengekalkan status mereka sebagai imigran di Vietnam, mereka tidak dibenarkan bergerak ke tempat lain tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan.<sup>1</sup>

Pada penghujung dinasti Le (1428-1592) dan dinasti Trinh di utara Vietnam sehingga pada tahun 1788, dasar asimilasi dan pengawasan terhadap komuniti Cina bertambah ketat. Orang Cina harus patuh kepada undang-undang Vietnam iaitu mengikut adat resam dan tradisi orang Vietnam mahupun mengikut cara pakaian orang Vietnam. Imigran Cina tidak dibenarkan bergerak bebas dalam negara Dai Viet (Great Viet), terutama di Thanh Long (dikenali sebagai Hanoi pada hari ini) yang merupakan ibu kota Dai Viet. Perubahan dasar yang lebih ketat terhadap orang Cina adalah disebabkan kejayaan dinasti Le mengalahkan tentera dinasti Ming dari China.<sup>2</sup>

Pada tahun 1663, kerajaan utara Vietnam mewujudkan satu peraturan baru untuk mengawal semua orang asing di utara Vietnam termasuk orang Cina dengan memisahkan penduduk tetap dengan penduduk sementara. Melalui ordinar pada tahun 1666, orang Cina yang tinggal tetap di utara Vietnam wajib mendaftarkan nama mereka dalam buku pendaftaran keluarga Vietnam. Pada waktu yang sama, orang Cina wajib memakai pakaian Vietnam serta mendirikan rumah seperti reka bentuk rumah orang Vietnam.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15-16.

<sup>2</sup> Ibid., hlm.17.

<sup>3</sup> Richiro Fujiwara, "Pho Hien et la Reglementation du Sejour des Chinois sous les Trinh ", *Etudes Vietnamiennes*, No. 4, 1993, hlm. 44.

Dasar asimilasi serta dasar mengawal pergerakan orang Cina yang dijalankan oleh pemerintah Trinh di utara Vietnam terhadap orang Cina di utara Vietnam merupakan sebab-sebab utama orang Cina enggan berhijrah ke utara Vietnam selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644. Mereka memilih berhijrah ke Vietnam Tengah yang berada di bawah pemerintahan Nguyen Hoang. Dari sini, mereka berhijrah ke selatan Vietnam.

Dasar buka pintu yang diamalkan oleh pemerintah Nguyen di selatan Vietnam telah menggalakkan ramai orang Cina berhijrah ke kawasan ini. Sejarah pemerintahan Nguyen di selatan Vietnam bermula pada tahun 1558 apabila Nguyen Hoang dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa, kawasan selatan Dai Viet.<sup>4</sup>

Menurut *Dai Nam Chronicle*, pada tahun 1679, kira-kira 3000 orang pegawai Cina, tentera dan ahli keluarga di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen mendarat di Thuan An (merupakan Thua Thien pada hari ini, yang berdekatan dengan Hue) yang terletak di Vietnam Tengah. Kedatangan mereka diterima oleh pemerintah Nguyen yang memerintah selatan Vietnam. Mereka meminta kebenaran daripada kerajaan Vietnam di Hue untuk mengusahakan tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai kepada kerajaan Hue. Permintaan mereka telah diterima oleh kerajaan Hue di Vietnam dan mereka diberi tanah di Dong Nai yang terletak di bahagian selatan Vietnam, yang juga dikenali sebagai *Nam Ky* atau *Nam Bo*.<sup>5</sup> Sebahagian orang Cina di bawah pimpinan Tran Thuong

---

<sup>4</sup> Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 a 1926*, Hanoi : Imprimerie d'Extreme-Orient Editeur, 1927, hlm.37.

<sup>5</sup> 大南实录(*Dai Nam Thuc Luc / Rekod Rasmi Dai Nam*) dan Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15

Xuyen telah sampai ke Bien Hoa di wilayah Dong Nai. Sebahagian lagi mengikut Duong Ngan Dich sampai ke Mytho yang berada di Tien Giang, dataran Mekong.<sup>6</sup>

Pada abad ke-17 dan awal abad ke-18, pedagang dan petukang China yang berhijrah ke selatan Vietnam telah mendirikan komuniti *Minh Huong* di Phien Tran (Gia Dinh) dan komuniti *Thanh Ha* di Tran Bien (Bien Hoa)<sup>7</sup>. Dasar buka pintu pemerintah Nguyen telah membuka laluan kepada imigran Cina yang lain untuk menetap di selatan Vietnam.

### **Kawasan Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam**

Sejarah kewujudan orang Cina yang ramai di selatan Vietnam merupakan hasil daripada pergolakan politik dan kesengsaraan hidup di China, terutamanya selepas kerajaan Ming digulingkan oleh kerajaan Qing pada tahun 1644. Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam adalah berasal dari wilayah Hokkien, Quang Dong dan Chiet Giang.<sup>8</sup>

Menurut catatan Da Shan, sejak gabenor Nguyen Hoang mendirikan kerajaan di Thuan Hoa pada tahun 1558, ramai orang China telah berhijrah ke selatan Vietnam untuk menjalankan kegiatan penerokaan. Orang-orang Cina yang berada di selatan Vietnam menggelar diri sebagai “*Ming Ren*” (orang dinasti Ming) atau “*Da Ming*” (*Great Ming*). Ini

---

<sup>6</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

<sup>7</sup> Chau Hai, *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam), Viet Nam : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 1992, hlm.56.

<sup>8</sup> Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam Nghien Cuu Hue, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm.104.

membuktikan bahawa orang Cina telah tinggal di selatan Vietnam untuk beberapa generasi.<sup>9</sup>

Sebelum abad ke-18, orang Cina yang tinggal di Vietnam adalah kira-kira 50-60 ribu orang sahaja. Namun pada abad ke-18, bilangan penduduk Cina telah meningkat kepada 100 ribu orang. Menjelang awal pertengahan abad ke-19, bilangan orang Cina di Vietnam telah melebihi 100 ribu orang. Secara umumnya, majoriti orang Cina tinggal di selatan Vietnam. Manakala jumlah orang *Minh Huong* yang tinggal di selatan Vietnam adalah seramai 89,462 orang pada tahun 1926. Sementara jumlah orang Cina seberang laut yang tinggal di selatan Vietnam adalah 65,672 orang.<sup>10</sup> Jumlah orang Cina ini tidak termasuk penduduk Cina di Saigon dan Gia Dinh yang mempunyai lebih kurang 70% penduduk Cina yang tinggal di Vietnam.

Menurut *Dai Nam Thuc Luc*, jumlah orang Cina yang menetap di Nam Ky (Selatan Vietnam) pada tahun 1819 adalah sebanyak 97,000 orang. Jadual berikut merupakan taburan orang Cina di Nam Ky:<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup>大汕, 余思黎点校, *海外纪事*(Rekod Sejarah Seberang Laut), 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7).

<sup>10</sup> Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad ke-17 hingga Tahun 1945) , Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.35.

<sup>11</sup> Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam Nghien Cuu Hue, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm. 105.

**Rajah 3.1 : Jumlah Orang Cina di Nam Ky pada tahun 1819**

<b>Kawasan</b>	<b>Jumlah orang Cina</b>
Phien An	28,200 orang
Bien Hoa	10,600 orang
Dinh Tuong	19,800 orang
Vinh Thanh	37,000 orang
Hatien	1,500 orang
<b>Jumlah</b>	<b>97,100 orang</b>

Bilangan orang Cina yang menetap di selatan Vietnam adalah jauh lebih banyak berbanding dengan utara Vietnam. Menurut banci penduduk pada tahun 1921, seramai 156,000 orang Cina menetap di dataran Sungai Mekong, selatan Vietnam. Hanya 7,000 orang Cina menetap di Vietnam Tengah dan 3,2000 orang Cina di utara Vietnam.<sup>12</sup>

Kawasan petempatan orang Cina di selatan Vietnam adalah Cantho, Chau Doc, Hatien, Long Xuyen, Mytho, Go Cong, Rach Gia, Sa Dec, Soc Trang, Tra Vinh, Vinh Long, Tan An, Ben Tre, Bac Lieu dan Ca Mau. Selepas tahun 1678, semakin ramai orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam. Mereka memilih untuk tinggal di Dong Nai, Ben Nghe Cuu Long dan kawasan selatan yang lain. Orang-orang Cina yang tinggal di sini mula meneroka selatan Vietnam yang dikenali sebagai Nam Ky. Pada waktu itu, Nam Ky merupakan kawasan hutan rimba dan kawasan paya dan terusan yang terbiar. Selain itu, orang Cina di

---

<sup>12</sup> Ibid.

selatan Vietnam juga telah memajukan kegiatan pertanian di Phien An, Bien Hoa, Vinh Thanh, Dinh Tuong dan Hatien.<sup>13</sup>

### **Kawasan Thua Thien - Hue dan Hoian**

#### **Masyarakat Cina di Thua Thien - Hue**

Thua Thien – Hue (Thuan Hoa) yang terletak di Vietnam Tengah merupakan ibu kota empayar kerajaan Nguyen di selatan Vietnam sejak tahun 1558 apabila Nguyen Hoang dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa. Thua Thien – Hue terletak di kawasan rata yang indah kerana dikelilingi oleh gunung dan sungai. Jalan di sini adalah sempit dan berlaku banjir pada musim hujan. Ia merupakan sebuah bandar yang padat penduduk. Jumlah penduduk di Thua Thien - Hue pada abad ke-18 adalah 60,000 orang.<sup>14</sup>

Sejarah orang Cina di Thuan Hoa (Thua Thien -Hue) di Vietnam Tengah yang merupakan sebahagian daripada tanah jajahan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam dapat dikesan melalui asal-usul pemerintah Nguyen di Thua Thien - Hue (Thua Hoa). Menurut penulisan *Qing Chao Wen Xian Tong Kao*, pada zaman silam, *Guangnan Guo* juga dikenali sebagai *Jiaonan* di mana rajanya adalah seorang Cina yang mempunyai nama keluarga Ruan (Nguyen). Manakala *Yue Nan Ji Lue* yang dikarang oleh keturunan Nguyen ada menyatakan bahawa keturunan mereka adalah orang Hokkien dari wilayah Fujian. Sementara *Sui Chu Tang Wen Ji* mencatat bahawa ketuanya bernama Ruan (Nguyen), keturunan mereka adalah berasal dari wilayah Guangzhou.

---

<sup>13</sup> Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.35-36.

<sup>14</sup> Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.77.

Kenyataan di atas adalah berasas jika dikatakan bahawa nenek moyang Nguyen adalah orang Hokkien atau Kantonis. Dalam surat yang ditulis oleh Da Shan kepada pemerintah Nguyen Phuc Chu sebelum Da Shan pulang ke negara China, beliau memberitahu pemerintah Nguyen Phuc Chu tentang keturunannya. Da Shan mengatakan bahawa berdasarkan sepuluh perkataan yang dicatat pada makam nenek-moyang Nguyen iaitu “*Xi Ri Zhong Hua Seng Jin Zhao Nan Guo*” 昔日中华僧今朝南国 (nenek moyang saya adalah orang Cina, tuan kepada negara Selatan pada hari ini).<sup>15</sup>

Pemerintah Nguyen Phuc Chu telah mengetahui bahawa nenek moyangnya adalah orang Cina. Dikatakan bahawa nenek moyang Nguyen telah datang ke istana Tonkin di utara Vietnam semasa dinasti Ming (1368-1644) dimana Tonkin merupakan sebahagian daripada empayar China antara tahun 1406 dan 1427.<sup>16</sup> Justeru itu boleh dikatakan bahawa pengasas kerajaan Nguyen di selatan Vietnam adalah orang Cina. Maka adalah tidak hairan mengapa para pemerintah Nguyen di selatan Vietnam menyambut kedatangan imigran Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming pada tahun 1644.

Pada abad ke-17, berlaku penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai ke selatan Vietnam selepas dinasti Ming digulingkan oleh dinasti Qing pada tahun 1644. Mengikut *Dai Nam Chronicle*, pada tahun 1679, kira-kira 3000 orang pegawai Cina, tentera dan ahli keluarga mereka mendarat di Thuan An (merupakan Thua Thien pada hari ini, yang berdekatan dengan Hue) yang terletak di Vietnam Tengah. Mereka meminta kebenaran daripada kerajaan Vietnam di Hue iaitu pemerintah Nguyen Phuc Tan untuk mengusahakan

---

<sup>15</sup>大汕，余思黎点校，*海外纪事* (Rekod Sejarah Seberang Laut)，卷三，北京：中华书局，2000，hlm.73 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi*, Vol.3,(Rekod Sejarah Seberang Laut), Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.73).

<sup>16</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.170.



tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai kepada kerajaan selatan Vietnam. Permintaan mereka telah diterima oleh pemerintah Nguyen Phuc Tan dan mereka dibenarkan untuk mengusahakan tanah di Dong Nai yang terletak di bahagian selatan Vietnam, yang juga dikenali sebagai *Nam Ky* atau *Nam Bo*.<sup>17</sup> Duong Ngan Dich bersama segolongan Cina dibenarkan pergi ke My Tho dan meneroka kawasan tersebut.<sup>18</sup>

Tran Duong Thuan yang berasal dari Lung Hsi di wilayah Fujian, China telah berhijrah ke Thua Thien (Thuan Hoa) di Vietnam Tengah. Beliau merupakan pengasas kepada kumpulan keluarga Tran di kampung *Minh Huong* di Thua Thien. Menurut *Tran Thi Chanh Pha* (Orthodox Family Register of the Tran) : “Nenek moyang kita berpindah ke Selatan untuk tujuan perdagangan dan memelihara pakaian dinasti Ming”.<sup>19</sup>

Kehadiran orang Cina di Thua Thien - Hue telah dicatat dalam *Hai Wai Ji Shi* oleh Da Shan semasa beliau berada di Thuan Hoa (Thua Thien - Hue) dan Hoian pada Ogos 1694 hingga November 1695. Menurut Da Shan, ramai pedagang Cina Hokkien yang berasal dari wilayah Fujian, China berniaga di Thuan Hoa dan Hoian. Menurut beliau lagi, walaupun kerajaan dinasti Ming dan *Nan Ming* (南明)<sup>20</sup> telah digulingkan oleh kerajaan Qing pada tahun 1644 dan tahun 1661, para pemerintah Nguyen tetap menganggap China sebagai *Da Ming* (*Grand Ming*). Menurut Da Shan, dalam dialek tempatan, negara China

---

<sup>17</sup> 大南实录 (Dai Nam Thuc Luc / Rekod Rasmi Dai Nam) dan Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15

<sup>18</sup> Lee Quy Don, *Phu Bien Tap Luc*, Vol. 1, hlm.62.

<sup>19</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.38-39.

<sup>20</sup> Nan Ming merujuk kerajaan yang didirikan oleh pegawai dinasti Minh di Jiang Nan pada tahun 1644 selepas tentera kerajaan Qing menakluki He Bei (河北) dan Shandong (山东), China. 谢国桢, “南明建立的政权为什么会这样的短促” (Mengapa Tempoh Pemerintahan Kerajaan yang Didirikan oleh Nan Ming Begitu Singkat), 郑天挺主编, *明清史资料*, 天津市: 天津人民出版社, 1981, hlm.35. (Zheng Tian Tin (ed.), *Ming Qing Shi Zi Liao*, Tian Jin : Tian Jin Ren Min Chu Ban She, 1981, hlm.35).

dipanggil sebagai *Da Ming* iaitu *Zhi Fang Yan Zhong Hoa, Jie Cheng Da Ming* ( 至方言中华, 皆称大明 ).<sup>21</sup> Ini bermaksud orang Cina di Thuan Hoa masih memanggil negara China sebagai *Da Ming* walaupun mereka telah berhijrah ke selatan Vietnam. Malah Pierre Poivre yang sampai di Thuan Hoa pada tahun 1749 telah menyatakan bahawa orang Cina di Cochinchina (selatan Vietnam) memanggil empayar China sebagai *Daiminh* (Da Minh).<sup>22</sup>

Dalam pelayaran Pierre Poivre ke Thuan Hoa pada tahun 1749 hingga 1750, beliau menyebut tentang kawasan kediaman orang Cina di Thuan Hoa.<sup>23</sup> Menurut beliau, tempat kediaman orang Cina adalah kemas dan teratur. Rumah-rumah dibina berdasarkan seni bina di negara China.<sup>24</sup> Semua ini membuktikan bahawa orang Cina telah tinggal di Thuan Hoa untuk beberapa generasi.

Menurut seorang pedagang Quang Dong yang bernama Tran, perjalanan dari Quang Chow China datang ke Thua Thien – Hue melalui jalan laut hanya memerlukan tiga hari tiga malam. Perjalanan yang pendek ini telah menggalakkan ramai pedagang Quang Chow datang berdagang di Thua Thien – Hue.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> 大汕, 余思黎点校, *海外纪事* (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷二, 北京: 中华书局, 2000, hlm.46 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi*, (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.2, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.46).

<sup>22</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.170.

<sup>23</sup> Paul Boudet, *Un Voyageur Philosophe Pierre Poivre en Annam (1749-1750)*, Hanoi : Cahier De La Societe De Geographie De Hanoi, 1941, hlm.14.

<sup>24</sup> Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.77.

<sup>25</sup> Lee Quy Don, *Phu Bien Tap Luc*, Vol.4, hlm.234.

## Masyarakat Cina di Hoian

Orang Cina telah mengetahui Quang Nam, Pulau Cham, Pelabuhan Dai Chiem dan Teluk Tra Nhieu sejak kawasan-kawasan ini diperintah oleh kerajaan Champa. Tempat-tempat ini merupakan kawasan yang menjalankan perniagaan pengangkutan, tempat persinggahan kapal-kapal pedagang dan perahu untuk menjalankan kegiatan perniagaan. Teluk Tra Nhieu yang terletak di selatan Hoian merupakan tempat persinggahan untuk kapal-kapal pedagang asing. Pada zaman lampau, kegiatan perdagangan dijalankan dalam bentuk yang mudah. Oleh yang demikian, Hoian mungkin dijadikan sebagai gudang sementara untuk menyimpan komoditi. Dari sini, komoditi dihantar ke dermaga yang berada di sepanjang tebing sungai Cui yang sebelum ini dikenali sebagai Sungai Thu Bon, yang digunakan semasa pemerintahan kerajaan Champa atau Dai Viet.<sup>26</sup>

Pada tahun 1593, Duc Chau Gia Khuong mengumumkan polisi Jepun yang dikenali sebagai “*Ngu Chau Seal*” yang merupakan sejenis pasport untuk menggalakkan kapal-kapal pedagang besar Jepun melayar ke Quang Nam, Tanah Melayu dan Siam supaya kapal-kapal pedagang Jepun dan pedagang Cina dapat menjalankan pertukaran barang dagangan. Adalah dipercayai bahawa tempat pertemuan antara kapal-kapal pedagang ini adalah di Tra Nhieu yang berada di Quang Nam pada musim monsun.<sup>27</sup>

Nama Hoian atau Faifo telah diterjemahkan dalam beberapa versi. Faifo dikenali oleh Antonio de Faris yang mendarat di Touran (Danang) pada tahun 1575. Nama tersebut kali pertama disebut dalam memoir Christoforo Borri yang tinggal di Hoian dan di kawasan lain di selatan Vietnam dari tahun 1618 hingga tahun 1621. Namun *O Chau Can*

---

<sup>26</sup> Nguyen Van Xuan, *Hoian*, Danang : Danang Publishing House, 2002, hlm.5.

<sup>27</sup> Ibid., hlm.5-7.

*Luc (Recent Notes on O Chau)* yang ditulis pada tahun 1553 tidak mencatat nama Hoian. Dalam peta Alexandre de Rhodes (1651), wujud perkataan sama ada Haifo atau Kaifo, huruf H atau K adalah tidak boleh dibaca. Sejak abad ke-17, nama Hoian sering kali muncul dalam teks sejarah. Walau bagaimanapun, menurut Phan Huy Le, adalah lebih munasabah untuk mengaitkan Faifo sebagai kecacatan fonetik bagi *Hoai Pho*, *Hai Pho* atau Hoi An.<sup>28</sup>

Menurut laporan Pierre Poivre yang melawat Annam pada tahun 1749 hingga 1750, Hoian merupakan pelabuhan untuk jong-jong China dan boat-boat tempatan. Hoian terletak kira-kira 60 hingga 70 kilometer dari Thuan Hoa. Kapal-kapal Eropah datang bersinggah di pelabuhan Hoian pada musim perdagangan. Namun apabila angin monsun datang, kapal-kapal tersebut akan belayar ke Teluk Turon (Danang) di Vietnam Tengah. Faifo (Hoian) merupakan kawasan di Cochinchina yang paling banyak dikunjungi oleh para pedagang untuk berdagang. Pelabuhan Hoian merupakan gudang untuk barang-barang komoditi dari China dan Vietnam. Bandar Hoian padat dengan penduduk terutamanya orang Cina yang terlibat dalam kegiatan perdagangan antarabangsa.<sup>29</sup>

Menurut Chen Chingho, pada awal abad ke 17, penduduk Cina yang berada di Hoian boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah terdiri daripada pedagang Cina yang terpaksa tinggal di Hoian sehingga tahun berikutnya sementara menunggu tiupan angin monsun untuk balik ke Utara iaitu China kerana para pedagang

---

<sup>28</sup> Phan Huy Le, "Hoi An (Faifo) – Past and Present" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2<sup>nd</sup> Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.19-20.

<sup>29</sup> Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.77.

Cina ini perlu menguruskan hal perdagangan mereka yang belum diselesaikan ataupun mereka terlepas daripada monsun barat daya yang biasanya bermula pada bulan Jun dan Julai setiap tahun. Hal ini telah dicatat oleh Trinh Hoai Duc dalam buku beliau *Gia Dinh Thong Chi* (Vol.1) seperti berikut :

*All Chinese junks arrive in the South in the spring with the Northeast monsoon, and they return to the North in the summer, utilizing the favorable Southwest wind; if the junks stay in anchorage for the whole autumn and winter, the stay used to be called Luu-dong (staying for winter), or Ap-dong (pressing the winter).<sup>30</sup>*

Sementara kategori yang kedua ialah orang Cina yang secara sukarela ingin tinggal tetap ataupun separuh tetap di Hoian. Kebanyakan daripada orang Cina ini adalah pemilik jong, ejen bagi syarikat jong ataupun komprador. Tujuan mereka tinggal di Hoian adalah untuk menghabiskan stok yang ditinggalkan oleh syarikat jong ataupun membuat urusan pembelian barang-barang keluaran tempatan seperti sutera mentah, gula, lada, kelembak, sarang burung, kayu sapan, kulit ikan yu dan sebagainya. Apabila jong syarikat mereka kembali pada musim bunga tahun berikutnya, maka adalah cukup kargo untuk jong-jong mereka. Penduduk tetap Cina yang menjadi wakil-wakil perdagangan di Hoian merupakan satu keperluan pada waktu itu memandangkan bilangan jong Cina yang datang dari China ke Hoian adalah banyak dan sangat kerap. Tambahan pula, ia juga merupakan satu kaedah untuk mengembangkan perdagangan mereka di Hoian.<sup>31</sup> Hal ini telah menunjukkan kebijaksanaan orang Cina dalam menguruskan perdagangan.

Kategori ketiga pula merujuk orang Cina yang terdiri daripada pemilik hotel, restoran, pekedai runcit, pekedai ubat, tukang jahit dan sebagainya di mana kebanyakan

---

<sup>30</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.35.

<sup>31</sup> Ibid.

pelanggannya terdiri daripada orang Cina. Orang Cina kategori ketiga datang ke Hoian lebih lewat berbanding dengan orang Cina kategori pertama dan kategori kedua.

Selain daripada tiga kategori orang Cina di Hoian. Terdapat juga golongan orang Cina yang terdiri daripada peneroka, pelarian, pengembara, sami Buddha, tukang tilik, penjual jamu dan juga segolongan orang Cina yang berketurunan Cina-Vietnam.<sup>32</sup> Maka dengan kehadiran orang-orang Cina yang ramai di Hoian, akhirnya Hoian menjadi sebuah bandar orang Cina (China town) dan terbentuknya komuniti Cina di sini.

Menurut Chen Chingho, pada peringkat awal, penduduk Cina di Hoian dikenali sebagai *Thuong Co* (pedagang) di mana mereka ini sebenarnya adalah *Hai Khach* (pelaut) yang sering kali berulang alik dari China ke Hoian untuk tujuan perdagangan. Pada akhir dinasti Ming, terdapat seorang sarjana Confucius dari China yang bernama Chu Shun-shuei telah datang dan menetap di Hoian. Kedatangan beliau adalah disebabkan oleh pertukaran dan pergolakan politik di negara China. Penghijrahan beliau ke Hoian adalah atas tujuan perdagangan. Chen Chingho menggolongkan kumpulan orang Cina seperti Chu Shun-shuei sebagai *Kieu-ngu* (Penduduk Cina seberang laut) atau *Khach-ngu* (Penduduk Cina sementara waktu).<sup>33</sup> Kesemua ini merupakan gambaran am tentang penduduk Cina di Hoian sebelum kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644.

Sejak Nguyen Hoang dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa di Vietnam Tengah pada tahun 1558, Faifo (Hoian) turut dibangunkan sebagai kawasan yang maju. Pada penghujung abad ke-16 hingga awal abad ke-17, Hoian telah menjadi pusat perdagangan

---

<sup>32</sup> Ibid.,hlm.36.

<sup>33</sup> Ibid.

antarabangsa yang terkenal.<sup>34</sup> Hal ini dapat dibuktikan dalam buku *Hai Wai Ji Shi* yang ditulis oleh Da Shan. Semasa Da Shan berada di Thuan Hoa dan Hoian pada abad ke-17, beliau mendapati bahawa ramai pedagang Cina Hokkien yang berasal dari wilayah Fujian, China berniaga di kedua-dua tempat ini. Di Hoian, Jalan Tang Besar (*Great Tang Street*, kini digelar sebagai Jalan Tran Phu) yang sepanjang tiga hingga empat *li* (1.5 - 2 kilometer) yang menyusuri sungai Thu Bon merupakan tempat berkumpulnya pedagang Cina Hokkien. Perkataan *Tang* di sini merujuk orang Cina iaitu *Tang Ren*. Penduduk yang tinggal di sepanjang jalan ini semuanya terdiri daripada pedagang Cina yang berasal dari wilayah Fujian. Mereka memakai pakaian dinasti Ming. Ini menunjukkan bahawa orang Cina di Hoian masih mengekalkan identiti mereka sebagai orang *Minh Huong* (orang dinasti Ming).<sup>35</sup> Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa orang Cina telah tinggal di Hoian untuk beberapa abad.

Pada tahun 1642, jumlah pedagang Cina seberang laut yang tinggal di Hoian adalah antara 4,000 hingga 5,000 orang. Lebih kurang satu abad kemudian, iaitu pada tahun 1744, bilangan orang Cina yang tinggal di Hoian telah meningkat kepada 6,000 orang berdasarkan laporan yang dibuat oleh seorang orang Barat pada tahun 1744 iaitu :

*Hoi Pho (Faifo) is the most prosperous spot of commerce throughout Cochinchina. Usually there are about 6,000 Chinese living in this town. They are all wealthy merchants married to local women, and pay taxes to the king.*<sup>36</sup>

---

<sup>34</sup> Phan Huy Le, "Hoi An (Faifo) – Past and Present" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2<sup>nd</sup> Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.19.

<sup>35</sup> 大汕, 余思黎点校, *海外纪事* (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80).

<sup>36</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.18.

Jumlah orang Cina yang tinggal di Hoian turut meningkat kepada 10,000 orang pada tahun 1750. Menurut laporan Cochinchina yang dibuat oleh M.P. (nama penuhnya tidak diketahui) pada tahun 1783 :

*There are only traders residing in the town of "Hue-Hane" (Faifo). In 1750, there were 10,000 married and tax-paying Chinese.*<sup>37</sup>

Orang Cina bukan sahaja datang berniaga di selatan Vietnam tetapi juga menetap di Hoian. Pada tahun 1750, terdapat kira-kira 10,000 orang Cina di Hoian yang bekerja sebagai peniaga kecil dan sebagai buruh yang bekerja di jong pemerintah Nguyen serta pedagang besar yang mempunyai pelbagai hubungan perdagangan antarabangsa.<sup>38</sup>

Pertambahan bilangan orang Cina yang tinggal di Hoian secara pesat adalah disebabkan oleh beberapa perubahan yang diperkenalkan oleh pemerintah Nguyen Phuc Khoat (*Vo Vuong*, 1738-1765)<sup>39</sup> yang merupakan pemerintah kelapan dalam dinasti Nguyen di selatan Vietnam. Beliau telah melancarkan beberapa pembaharuan seperti menstrukturkan semula jabatan pentadbiran tentera, menyusun semula pertubuhan politik, pengakuan mata wang, menggalakkan perdagangan dan mengadakan pertukaran besar dalam pakaian dan adat yang mengikuti tradisi orang Cina. Ekoran daripada pembaharuan tersebut, bilangan jong Cina serta pedagang Cina yang datang ke Hoian telah meningkat dengan banyak dan seterusnya meningkatkan jumlah penduduk di Hoian.

---

<sup>37</sup> Ibid.

<sup>38</sup> Nguyen The Anh, "Trade Relations Between Vietnam and the Countries of the Southern Seas in the First Half of the 19<sup>th</sup> Century" dalam Nguyen The Anh dan Yoshiaki Ishizawa (eds) *Trade and Navigation in Southeast Asia (14<sup>th</sup>-19<sup>th</sup> centuries)*, Paris : L'Harmattan , 1999, hlm.176.

<sup>39</sup> Pada tahun 1744, Nguyen Phuc Khoat menggelar diri sebagai raja (king) kerana tidak puas hati dengan gelaran tuan (lord) yang telah digunakan selama 150 tahun oleh para pemerintah Nguyen yang sebelumnya. Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.18.



Pada tahun 1820an, bilangan orang Cina di Hoian telah meningkat kepada kira-kira 40,000 orang. Orang Cina tetap menguasai pertukaran perdagangan yang terpenting dengan China Selatan. Sementara perdagangan dalaman yang kurang menguntungkan dijalankan oleh pedagang bumiputera.<sup>40</sup>

Orang Cina mempunyai undang-undang serta ketuanya sendiri yang memberi sokongan kepada pihak pentadbiran untuk mengutip cukai dan menguatkuasakan peraturan imigresen. Mereka dibahagikan kepada lima suku (*bang*) berdasarkan tempat asal mereka di China iaitu Guang Dong, Chaozhou, Fujian, Hainan dan Jianing.

Berkaitan dengan pertempatan orang Cina di Hoian, *Dai Nam Nhat Thong Chi* ada membincang tentang orang Cina yang tinggal di Hoian seperti berikut :

*The port city of Hoi An is located on the banks of the big river, to the south of the village of Hoi An and Minh Huong : its brick-covered houses spread out over two dam. Chinese residents from five congregations (according to their provinces of origin : Guangdong, Chaozhou, Fujian, Hainan and Jianing), which trade in Chinese goods, have their common house, market, meeting hall where merchants gather. To the South the Tra Nhieu lake shelters ships having come from the north and the south; it is an important urban centre.*<sup>41</sup>

Maka adalah jelas bahawa kampung *Minh Huong* yang didirikan oleh orang Cina adalah berdekatan dengan pelabuhan Hoian. Orang Cina yang tinggal di kampung *Minh Huong* adalah terdiri daripada suku Guangdong, Chaozhou, Fujian, Hainan dan Jianing.

---

<sup>40</sup> Nguyen The Anh, "Trade Relations Between Vietnam and the Countries of the Southern Seas in the First Half of the 19<sup>th</sup> Century" dalam Nguyen The Anh dan Yoshiaki Ishizawa (eds) *Trade and Navigation in Southeast Asia (14<sup>th</sup>-19<sup>th</sup> centuries)*, Paris : L'Harmattan , 1999, hlm.176.

<sup>41</sup> Nguyen Dinh Dau, "The Birth and the Historic Evolution of Hoi An" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2<sup>nd</sup> Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.117-118.

Orang Cina di sini menjalankan perniagaan barang-barang Cina, mempunyai rumah komuniti, pasar dan dewan perhimpunan di mana pedagang Cina berkumpul.

Pada tahun 1600, apabila pemerintah Nguyen Hoang membuat lawatan ke Quang Nam yang meliputi wilayah Quang Nam, Quang Ngai dan Binh Dinh, beliau menjumpai kawasan besar yang sesuai untuk pertanian. Maka, Nguyen Hoang telah membuat keputusan supaya anak beliau Nguyen Phuc Nguyen menjadi gabenor di kawasan ini dari tahun 1613 hingga 1635.<sup>42</sup>

Sehubungan itu, Chen Chingho mengatakan bahawa Hoian telah ditubuhkan pada tahun 1613. Pada tahun 1621, Hoian di bawah pemerintahan Nguyen Phuoc Nguyen (1563-1635).<sup>43</sup> Pemerintah Nguyen Phuc Nguyen bertanggungjawab terhadap pemungutan cukai dan keselamatan sosial. Oleh yang demikian, beliau mengumpulkan semua kapal pedagang Jepun, China dan Portugis di satu tempat untuk memudahkan kawalan. Pengangkutan melalui darat atau sungai dari Thanh Chiem ke Hoian merupakan laluan kegemaran banyak pedagang.<sup>44</sup>

Pada zaman silam, terdapat ramai orang Jepun dan orang Cina di Hoian. Pihak berkuasa tempatan telah mendirikan dua kawasan pertempatan di Hoian. Satu untuk pedagang Cina dan satu lagi untuk pedagang Jepun. Setiap kawasan pertempatan mempunyai wakil pegawai pentadbiran sendiri. Mereka tinggal mengikut amalan dan adat mereka.<sup>45</sup> Orang Vietnam memanggil kedua-dua kawasan tersebut sebagai “*Hai Pho*” yang

---

<sup>42</sup> Nguyen Van Xuan, *Hoian*, Danang : Danang Publishing House, 2002, hlm.7.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Ibid., hlm.9

<sup>45</sup> Ibid., hlm.9-10.

bermaksud dua jalan perdagangan. Selepas pengunduran orang Jepun, ia dikenali sebagai “*Pho*” yang membawa maksud yang lain iaitu bandar. Bandar ini merujuk Hoian.<sup>46</sup>

Pada peringkat awal, orang Jepun dan orang Cina hanya berperanan khas dalam pembekalan komoditi untuk urusniaga pertukaran seperti yang diamalkan di China dahulu. Namun, ekoran daripada perkembangan perdagangan, pedagang Jepun dan pedagang Cina merupakan orang yang lebih terlibat dalam pertukaran komoditi dengan orang tempatan. Tambahan pula, pemilik kapal dagang mempunyai pengikut yang tinggal di dua buah kawasan tersebut selama empat atau lima bulan untuk menjalankan kegiatan pengeksporan barangan sementara menunggu tiupan angin monsun selepas bulan Januari. Bilangan orang Jepun dan orang Cina yang semakin banyak tinggal di dua buah kawasan tersebut telah membangunkan kawasan tersebut.<sup>47</sup>

Secara umumnya, terdapat tiga faktor utama yang menggalakkan perkembangan komuniti Cina di Hoian. Yang pertama ialah perdagangan maritim yang dibenarkan oleh kerajaan Ming pada tahun 1567. Faktor ini telah menggalakkan perkembangan pesat perdagangan di Asia Timur dan Asia Tenggara pada penghujung abad ke-17. Komuniti Cina di Hoian telah berkembang menjadi komuniti yang besar pada 1620-an. Menurut Christoforo Borri, penduduk Cina di Hoian pada waktu itu kira-kira 5000 orang. Bilangan orang Cina yang banyak di Hoian telah meletakkan mereka dalam kedudukan yang baik untuk mengambil alih perdagangan yang dikuasai oleh pedagang Jepun di Hoian apabila

---

<sup>46</sup> Ibid., hlm.11.

<sup>47</sup> Ibid.

Tokugawa Bakufu mengharam pedagang Jepun untuk belayar ke seberang laut pada tahun 1639.<sup>48</sup>

Faktor yang kedua ialah pengharaman perdagangan Tokugawa pada tahun 1639. Pengharaman tersebut telah menyekat pedagang Jepun berlayar ke seberang laut. Hal ini telah menukar seluruh sistem perdagangan di Hoian. Sebelum pengharaman tersebut, pedagang Cina dan pedagang Jepun tinggal di dua kawasan kediaman yang berasing di Hoian iaitu pedagang Jepun tinggal di sebelah timur pelabuhan Hoian sementara pedagang Cina menetap di sebelah barat pelabuhan Hoian pada abad ke-16. Pada waktu itu, pedagang Jepun diberi kuasa oleh pemerintah Nguyen Hoang untuk mengurus tempat kediaman pedagang di Hoian. Hal ini bagai meletakkan pedagang Jepun sebagai anak angkat Nguyen Hoang di mana pedagang Jepun mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan pedagang Cina. Pada waktu itu, bandar Hoian ditadbir dengan sistem shahbandar atau kapitan sebagaimana yang diamalkan di pelabuhan Asia Tenggara pada abad ke-16.

Pengharaman perdagangan Tokugawa pada tahun 1639 telah menyebabkan perdagangan di antara China dengan Jepun banyak bergantung kepada pedagang Cina yang masih dibenarkan berdagang di pelabuhan Nagasaki di Jepun. Kesan daripada pengharaman tersebut, komuniti Jepun di Hoian menjadi kecil. Maka adalah jelas bahawa sekiranya pemerintah Nguyen ingin mengekalkan status penting Hoian dalam perdagangan Sino-Jepun, maka ia perlu bergantung kepada pedagang Cina di Hoian.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> Charles J. Wheeler, "Cross-Cultural Trade and Trans-Regional Network in the Port of Hoi An : Maritime Vietnam in the Early Modern Era", PhD Thesis, Yale University : Faculty of the Graduate School, 2001, hlm. 134-135.

<sup>49</sup> Ibid., hlm.138-139.

Faktor ketiga yang mendorong pembentukan komuniti Cina di Hoian ialah kejatuhan kerajaan Ming pada tahun 1644. Sistem pemeritahan kerajaan Qing telah menyebabkan ramai orang Cina berhijrah dan menetap di selatan Vietnam dan seterusnya membentuk kampung *Minh Huong* yang dikenali sebagai “kampung pegawai setia dinasti Ming”. Komuniti *Minh Huong* telah menyatakan taat setia mereka kepada kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dengan harapan pemulihan dinasti Ming pada suatu hari.<sup>50</sup>

### **Kawasan Saigon-Bien Hoa**

#### **Masyarakat Cina di Cholon-Saigon**

Orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam dan Cholon bermula pada abad ke-17 sehingga awal abad ke-20. Sebahagian besar orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam adalah terdiri daripada golongan buruh yang miskin yang berasal dari kawasan selatan China yang berdekatan dengan sempadan Vietnam. Kawasan-kawasan ini ialah Quang Dong, Phuc Kien, Trieu Chau, Hai Nam dan He. Sehubungan itu, kumpulan Cina ini terlibat dalam pelbagai pekerjaan dan datang daripada kelas sosial yang berbeza. Sementara golongan pedagang Cina pula bijak menggunakan kekuatan mereka di laut dan kemahiran dalam hal ehwal perniagaan untuk memajukan perdagangan di kawasan tempat tinggal mereka.<sup>51</sup>

Cholon terletak di selatan Vietnam, bersempadan dengan Gia Dinh di barat utara, dermaga di selatan dan Sungai Mekong di sebelah timur. Cholon merupakan pelabuhan antarabangsa. Kapal-kapal dari Hong Kong, China, Siam, Eropah, Australia dan Filipina

---

<sup>50</sup> Ibid., hlm.139-140.

<sup>51</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 20-21.

berlabuh di pelabuhan Cholon. Cholon juga merupakan tempat persinggahan pedagang-pedagang domestik di selatan Vietnam. Ia merupakan pusat perdagangan yang penting di selatan Vietnam. Ia juga merupakan pelabuhan utama di Asia Tenggara. Cholon merupakan tempat tinggal orang Cina dan ia dikenali sebagai “Bandar Orang Cina”. Cholon merupakan pusat perdagangan dan budaya orang Cina di selatan Vietnam.<sup>52</sup>

Pada tahun 1679, semasa dinasti Ming jatuh ke dalam tangan dinasti Qing, keadaan dalam negara China menjadi huru-hara. Pegawai dinasti Ming memimpin para tentera melarikan diri ke seberang laut. Pada waktu itu, seramai 3,000 orang tentera dinasti Ming melarikan diri ke Hue yang terletak di Vietnam Tengah. Kebetulan pada waktu itu, kerajaan selatan Vietnam berhasrat meluaskan jajahannya ke selatan Vietnam. Oleh yang demikian, kerajaan selatan Vietnam menerima kedatangan tentera dinasti Ming untuk tinggal di Chenla. Kumpulan orang Cina ini dipisahkan kepada dua kumpulan. Satu kumpulan tinggal di Bien Hoa (selatan Vietnam). Sementara satu kumpulan lagi tinggal di Gia Dinh (Saigon sekarang). Golongan Cina ini bekerjasama dengan orang Vietnam untuk mengusahakan tanaman. Mereka menjadikan Saigon sebagai pusat perdagangan. Justeru itu, Saigon merupakan tempat awal orang Cina berdagang.<sup>53</sup>

Pada tahun 1698, kerajaan Annam menyerang Chenla dan menukar nama kepada Cochinchina. Kerajaan Annam mendirikan ibu kota di Gia Dinh (Saigon sekarang). Tidak lama kemudian, orang Cina di Cholon mendirikan komuniti *Minh Huong* dan mendirikan

---

<sup>52</sup> 西堤华侨指南(Panduan Orang Cina Seberang Laut di Cholon), 南洋书报供应社 1948, hlm.1.

<sup>53</sup> Ibid.,hlm.4.

Persatuan-persatuan *Minh Huong* untuk menyatupadukan orang Cina. Persatuan-persatuan ini juga merupakan kuil-kuil orang Cina di selatan Vietnam.<sup>54</sup>

Kerajaan Nguyen membenarkan orang Cina tinggal di beberapa buah kawasan di selatan Vietnam. Orang Cina di Tran Bien membentuk komuniti *Thanh Ha*. Sementara orang Cina di Phien Tran membentuk komuniti *Minh Huong*. Setiap komuniti Cina berkembang pesat setelah kedatangan pedagang dan petukang dari China. Pada tahun 1771, tentera Tay Son menyerang kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Pada tahun 1778, keadaan yang huru-hara di selatan Vietnam telah menyebabkan orang Cina di kampung *Thanh Ha* terpaksa melari balik ke Phien Tran dan bekerjasama dengan penduduk kampung *Minh Huong* untuk membuka bandar Cholon.<sup>55</sup>

Cholon yang juga dikenali sebagai bandar Saigon didirikan pada tahun 1698. Sebelum ini, Cholon hanya merupakan tempat berkumpul bagi beberapa buah kampung yang berdekatan. Namun, menjelang penghujung abad ke-18, Cholon padat dengan penduduk kerana ramai pelarian perang telah melarikan diri ke sini. Bandar Cholon didirikan di lembah sungai kecil yang dikenali sebagai Kinh Tau Hu. Orang Cina di sini memanggil nama sungai tersebut sebagai De Ngan. Sementara orang Cina keturunan Quang Dong menamai sungai ini sebagai Tai Ngon. Nama ini masih digunakan oleh orang Cina sehingga hari ini.<sup>56</sup> Ini membuktikan bahawa orang Cina keturunan Quang Dong telah bertapak di Cholon.

---

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Ngoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 19.

<sup>56</sup> Ibid., hlm. 20.

Kemajuan Saigon terjejas apabila tentera Tay Son menakluki selatan Vietnam pada tahun 1782. Tentera Tay Son telah membunuh beberapa ribu orang Cina di selatan Vietnam kerana marah dengan orang Cina yang berada di selatan Vietnam memberi bantuan kepada pemerintah Nguyen Phuc Anh di selatan Vietnam. Akibatnya, ramai orang Cina melarikan diri dari Saigon. Peristiwa ini telah memberi tamparan yang teruk kepada Saigon. Kesannya, ekonomi Saigon mula merosot dan berlaku inflasi.<sup>57</sup> Hal ini menunjukkan betapa pentingnya orang Cina dalam menentukan kemajuan ekonomi di Saigon.

Tidak lama kemudian, pemerintah Nguyen Phuc Anh berjaya mengalahkan tentera Tay Son dan seterusnya menyatukan seluruh Vietnam. Beliau menjadikan Hue sebagai ibu kota Vietnam. Nguyen Phuc Anh menggelar diri sebagai Maharaja Gia Long. Maharaja Gia Long melayan orang Cina dengan baik sebagai tanda penghargaan kepada mereka kerana banyak memberi bantuan kepada beliau dalam usaha menyatukan Vietnam. Semasa pemerintahan Maharaja Gia Long, ramai orang Cina berpindah dari Saigon ke Cholon atas sebab Saigon tidak sesuai dijadikan sebagai tempat tinggal yang selamat selepas berlakunya peristiwa pembunuhan orang Cina oleh tentera Tay Son pada tahun 1782. Maka dalam tempoh dua tahun, Cholon muncul sebagai bandar yang makmur dan didiami oleh orang Cina. Pada peringkat awal, Cholon berfungsi sebagai pusat pengumpulan kraft tangan dan hasil pertanian domestik disebabkan sistem perhubungan tidak begitu maju.<sup>58</sup>

### **Masyarakat Cina di Bien Hoa**

Pada tahun 1679, tujuh puluh buah kapal yang membawa 3,000 orang Cina di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen telah mendarat di teluk

---

<sup>57</sup> 西堤华侨指南(Panduan Orang Cina Seberang Laut di Cholon), 南洋书报供应社 1948, hlm.5.

<sup>58</sup> Ibid.



Danang dan meminta kebenaran daripada pemerintah Nguyen Phuc Tan (1648-1687) untuk menetap di selatan Vietnam. Pemerintah Nguyen Phuc Tan telah membenarkan mereka menetap di kawasan Dong Pho yang dikenali sebagai Dong Nai.<sup>59</sup> Sebahagian orang Cina di bawah pimpinan Tran Thuong Xuyen telah sampai ke Bien Hoa di wilayah Dong Nai.<sup>60</sup>

Tran Thuong Xuyen (1655-1720) juga dikenali sebagai Tran Thang Tai. Beliau dilahirkan pada tahun 1655 dan meninggal dunia pada tahun 1720. Tran Thuong Xuyen berasal dari Quang Dong, China. Semasa dinasti Ming, beliau pernah memegang jawatan sebagai jeneral bagi tiga kawasan iaitu di Cao, Loi dan Liem. Selepas kejatuhan kerajaan Ming pada tahun 1644, maka wujudnya pemberontakan menentang kerajaan Qing untuk memulihkan kerajaan Ming. Namun pemberontakan tersebut gagal. Oleh yang demikian, Tran Thuong Xuyen bersama imigran Cina yang lain berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik.

Selepas bertapak di Bien Hoa, Tran Thuong Xuyen memimpin orang Cina yang berada di Bien Hoa telah membangunkan kawasan ini bersama dengan orang Vietnam. Atas usaha mereka, tidak lama kemudian, wujudnya bandar Nong Nai Dong Pho yang makmur. Dong Nai Dai Pho menjadi pusat ekonomi yang maju dari segi pertanian, kraftangan dan perdagangan. Keadaan ini telah menarik hati ramai pedagang tempatan dan pedagang asing datang berniaga di Bien Hoa. Oleh yang demikian, Tran Thuong Xuyen digelar sebagai “Bapa Pembangunan” Bien Hoa dan kawasan sekitar Saigon. Malah

---

<sup>59</sup> Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam Nghien Cuu Hue, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm. 106.

<sup>60</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

komuniti Cina di Bien Hoa menggelar Tran Thuong Xuyen sebagai “Tuan” (My Lord) atas jasa dan sumbangan beliau terhadap kemajuan Bien Hoa.<sup>61</sup>

Menurut “*Gia Dinh Thanh Thong Chi*” yang dikarang oleh Trinh Hoai Duc, beliau telah menggambarkan Dong Pho sebagai berikut :

*Jeneral Tran Thuong Xuyen telah mengumpulkan pedagang Cina untuk mendirikan kedai-kedai, rumah-rumah berbumbung dan berdinging cat, melihat dari bangunan yang bertingkat, cukup menyinari, jalan bersambung sepanjang 5 kilometer, lampu menerangi 3 jalan, jalan besar diliputi dengan batu-batu porselin putih, bagai sebuah metropolitan. Pedagang dan orang yang kaya, paling ramai terdapat di sini, ...*<sup>62</sup>

Mengikuti catatan sejarah, pada penghujung abad ke-17, para pedagang dan petukang Cina telah membersihkan dan membuka tanah tersebut dan seterusnya mendirikan komuniti di sini. Pada zaman sekarang, kawasan ini merujuk daerah Binh Thach, Phu Nhuan dan Bien Hoa yang terletak di luar bandar Ho Chi Minh. Pada abad ke-17, komuniti ini dikenali sebagai komuniti *Minh Huong*. Istilah *Minh Huong* merujuk keturunan pengikut setia kepada kerajaan Ming di China. Semakin ramai imigran Cina tertarik dengan komuniti *Minh Huong* kerana suasana kegiatan perdagangan yang maju dan aktif. Selain itu, komuniti *Minh Huong* juga menarik perhatian para pedagang dari Jepun, negara-negara Arab dan Eropah.<sup>63</sup>

---

<sup>61</sup> Dokumen di tokong Tan Lan (Dinh Tan Lan) di Bien Hoa, selatan Vietnam.

<sup>62</sup> 郑懷德, 嘉定城通志(Sejarah Gia Dinh), 卷三, hlm.5. (Trich Hoai Duc, *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Vol. 3, hlm.5). 潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

<sup>63</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15.

Pada abad ke-17 dan awal abad ke-18, pedagang dan petukang China mendirikan komuniti *Minh Huong* di Phien Tran (Gia Dinh) dan komuniti *Thanh Ha* di Tran Bien (Bien Hoa). Menurut rekod banci kerajaan Nguyen, orang *Minh Huong* merujuk orang China yang berhijrah dan tinggal di Vietnam pada penghujung dinasti Ming dan awal dinasti Qing (1645-1653). Kewujudan komuniti *Minh Huong* di Vietnam berkait rapat dengan peristiwa penentangan orang *Minh Huong* terhadap kerajaan Qing di China.<sup>64</sup> Namun menurut Dao Trinh Nhat, ahli komuniti *Minh Huong* terutamanya terdiri daripada orang Cina yang mengahwini wanita Vietnam dan seterusnya anak dan cucu mereka tinggal di sini.<sup>65</sup>

Salah seorang sarjana Cina yang terkenal di Bien Hoa adalah Trinh Hoai Duc. Beliau merupakan orang *Minh Huong*. Beliau merupakan generasi ketiga keluarga Trinh yang tinggal di selatan Vietnam. Datuk beliau yang bernama Trinh Hoi merupakan pegawai istana dinasti Ming. Apabila dinasti Ming digulingkan oleh dinasti Qing, kerajaan Qing memaksa pegawai-pegawai istana dinasti Ming dan rakyat biasa perlu mengikuti beberapa adat resam yang ditetapkan oleh kerajaan Qing. Misalnya, setiap pegawai kerajaan Qing perlu menyimpan tocang. Peraturan tersebut enggan dipatuhi oleh kebanyakan bekas pegawai dinasti Ming. Sebahagian daripada bekas pegawai dinasti Ming bangun menentang peraturan tersebut. Manakala sebahagian lagi melarikan diri ke negara lain untuk mengelakkan penindasan kerajaan Qing. Pada waktu itu, Trinh Hoi membawa ahli keluarga

---

<sup>64</sup> Chau Hai, *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam), Viet Nam : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 1992, hlm.56.

<sup>65</sup> Ibid.

beliau berhijrah ke Bien Hoa yang terletak di selatan Vietnam untuk memulakan kehidupan baru.<sup>66</sup>

Bapa Trinh Hoai Duc iaitu Trinh Khanh telah dilantik oleh Pemerintah Nguyen sebagai gabenor di pelabuhan Qui Nhon (Binh Dinh). Beliau bertanggungjawab terhadap pemeriksaan kapal-kapal dagang dari China dan negara lain yang masuk ke pelabuhan Qui Nhon untuk pertukaran barang dagang. Perlantikan Trinh Khanh sebagai gabenor di pelabuhan telah membuktikan bahawa orang Cina memainkan peranan penting dalam ekonomi. Semasa Trinh Hoai Duc berumur sepuluh tahun, bapa beliau meninggal dunia.<sup>67</sup>

Pada masa ini, perebutan kuasa di antara Tay Son dengan Pemerintah Nguyen telah menyebabkan keadaan politik di Vietnam Tengah menjadi tidak stabil. Kerana sebab ini, Trinh Hoai Duc bersama emaknya kembali ke Bien Hoa untuk meneruskan kehidupan mereka. Selepas itu, mereka berhijrah ke Gia Dinh iaitu kawasan yang berdekatan dengan Cholon-Saigon. Di sini, terdapatnya komuniti *Minh Huong*. Pada tahun 1788, Nguyen Anh berjaya merampas balik kawasan Gia Dinh, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai pegawai. Pada tahun kedua, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai pegawai di daerah Tran Bien untuk membangunkan dataran Mekong. Setahun kemudian, beliau dinaikan pangkat menjadi pegawai Khanh Hoa dan Phu An.<sup>68</sup>

---

<sup>66</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 50. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

<sup>67</sup>Ibid.

<sup>68</sup> Ibid., hlm. 50-51.

## **Kawasan Delta Mekong - Hatien**

Selepas kerajaan Ming digulingkan oleh kerajaan Qing pada 1644, ramai orang Cina dari selatan China telah melarikan diri ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan. Mereka ini terdiri daripada para pedagang, tentera, artisan dan ahli perubatan.<sup>69</sup>

### **Masyarakat Cina di Hatien**

Menurut catatan Trinh Hoai Duc dalam *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Hatien merupakan tanah jajahan Chenla. Ia juga dikenali sebagai Manh Kham. Pada abad ke-18, Hatien meliputi wilayah An Giang dan Kien Giang. Hatien merupakan bandar pelabuhan sejak pemerintahan Mac Cuu.<sup>70</sup>

Menurut catatan, Mac Cuu merupakan seorang pedagang berketurunan Quang Dong. Beliau bergiat aktif di persisiran laut Asia Tenggara. Beliau pernah berdagang di pelabuhan Filipina dan Indonesia. Beliau juga pernah membantu Cheng Ch'eng Kung untuk menjalankan perdagangan antarabangsa. Kerana enggan memberi taat setia kepada kerajaan Qing, Mac Cuu meninggalkan negara China dan berhijrah ke selatan Vietnam.<sup>71</sup>

Sebelum kedatangan Mac Cuu pada tahun 1679, Hatien merupakan kawasan terbiar dan sudah ada penduduk mendiami Hatien. Mereka ini terdiri daripada orang Khmer yang berhijrah dari muara Sungai Mekong. Selain itu, penduduk di sini juga terdiri daripada mereka yang berhijrah dari utara Vietnam. Mereka datang ke Hatien untuk memulakan kehidupan baru di sini. Ini bererti sebelum tahun 1698, orang Vietnam telah berhijrah ke

---

<sup>69</sup> Nguyen The Anh, "Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long" (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam *Nghien Cuu Hue*, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm. 106.

<sup>70</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 75. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

<sup>71</sup>Ibid.

dataran Mekong yang terletak di selatan Vietnam. Pada tahun 1665, dalam surat yang ditulis oleh paderi Chevreui, beliau mengatakan bahawa semasa beliau membuat lawatan ke dua buah kampung orang Vietnam yang terletak bertentangan dengan sungai Phnom Penh, beliau mendapati bahawa ramai orang Cina dan orang Vietnam tinggal di ibu kota Chenla iaitu Phnom Penh. Menurut beliau, keadaan yang sama turut berlaku di Hatien. Sebelum kedatangan Mac Cuu dan pengikutnya, sudah wujudnya komuniti Cina di Hatien. Faktor ini telah banyak membantu Mac Cuu untuk menarik ramai orang Cina mendirikan petempatan di Hatien.<sup>72</sup>

Pada tahun 1671, seorang pedagang Cina Quang Dong yang bernama Mac Cuu bersama dengan lebih kurang 400 orang berhijrah dari China ke Hatien, wilayah Kien Giang di dataran Mekong. Hatien juga dikenali sebagai Mang Kham. Pada waktu itu, Hatien merupakan tanah jajahan Kemboja. Golongan Cina ini terdiri daripada pelarian dan ahli keluarga Mac Cuu.<sup>73</sup> Setelah bertapak di Hatien, Mac Cuu bersama orang Cina yang lain, orang Vietnam dan orang Kemboja berusaha meneroka dan membangunkan Hatien. Majoriti orang Cina di Hatien merupakan suku Trieu Chau. Mereka menetap di sepanjang lembah sungai seperti di Cai Lon, Cai Be, Phu Quoc dan Binh An (daerah Kien Luong). Dalam tempoh kira-kira 30 tahun, Hatien berkembang maju. Penduduk Hatien hidup dalam keadaan yang aman dan damai. Mereka juga telah menguasai ilmu penanaman.<sup>74</sup> Justeru itu, Hatien berkembang maju dalam kegiatan pertanian, perusahaan seni dan perdagangan. Akhirnya Hatien menjadi sebuah bandar dan pelabuhan antarabangsa yang makmur. Hatien

---

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 75-76.

<sup>73</sup> 河仙镇叶镇郑氏家谱 (Genealogi Keluarga Mac di Hatien) dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

<sup>74</sup> 安南河仙十咏 (Sepuluh Pemandangan di Hatien Annam) dan *Trang Vang Nguoi Hoa Thanh Pho Ho Chi Minh va Nam Bo* (Kecemerlangan Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh dan Selatan Vietnam) , hlm.334-335.

merupakan pusat petempatan orang Cina yang ketiga di selatan Vietnam. Seperti pusat petempatan orang Cina yang lain, kawasan petempatan orang Cina telah berkembang dari Hatien ke kawasan lain di selatan Vietnam.<sup>75</sup>

Apabila Pemerintah Nguyen (Nguyen Lords) berjaya menguasai kawasan selatan Vietnam, Pemerintah Nguyen telah melantik Mac Cuu sebagai Pemerintah Hatien (Lord of Hatien) pada tahun 1708 walaupun mendapat bantahan dari Kemboja. Sebagai balasan, beliau perlu membayar ufti kepada istana Vietnam yang berada di Hue. Para pengikut Mac Cuu menetap di kedua-dua tanah jajahan Vietnam dan Kemboja.<sup>76</sup>

Mac Cuu sempat melihat kemakmuran Hatien sebelum beliau meninggal dunia.<sup>77</sup> Selepas kemangkatan Mac Cuu pada tahun 1735, anak beliau yang bernama Mac Thien Tich (Mac Thien Tu) menjadi Pemerintah Hatien yang diakui oleh pemerintah Nguyen. Semasa pemerintahan Mac Thien Tich, beliau menggalakkan kegiatan perdagangan dan kraf tangan di Hatien. Beliau juga telah membuka sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Cina. Atas usaha Mac Thien Tich, akhirnya Hatien menjadi sebuah pelabuhan perdagangan. Hatien juga merupakan pusat intelektual yang menyebarkan budaya Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-18.<sup>78</sup> Mac Thien Tich merupakan orang *Minh Huong*. Ibu beliau yang bernama Bui Thi Lam merupakan orang Vietnam yang berasal dari Dong Mon (Bien Hoa).<sup>79</sup>

---

<sup>75</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 13. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

<sup>76</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15-16.

<sup>77</sup> M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyễn et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 123.

<sup>78</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16.

<sup>79</sup> Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam *Nghien Cuu Hue, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu*, 2002, hlm. 107.

## **Masyarakat Cina di Mytho, An Giang, Soc Trang, Cantho, Phan Thiet dan Vinh Long**

Mytho yang terletak di dataran Mekong juga merupakan kawasan kediaman orang Cina yang berhijrah ke sini selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644 di negara China. Pada tahun 1697, pegawai Cina dinasti Ming yang berhijrah ke selatan Vietnam di bawah pimpinan Duong Ngan Dich sampai ke Mytho yang berada di Tien Giang, dataran Mekong.<sup>80</sup> Pada abad ke-19, jumlah orang Cina yang berada di Mytho adalah sebanyak 2381 orang yang terdiri daripada 2295 orang lelaki dewasa, 47 orang wanita dewasa, 29 orang kanak-kanak lelaki dan 10 orang kanak-kanak perempuan.<sup>81</sup>

An Giang terletak di dataran Mekong, selatan Vietnam. Kewujudan komuniti Cina di An Giang bermula pada pertengahan abad ke-17 apabila berlakunya pembangunan di selatan Vietnam.

Jumlah orang Cina yang berada di An Giang adalah kira-kira 17,000 orang. Kebanyakan orang Cina berkumpul di bandar Long Xuyen, Chau Doc dan daerah Tan Chau. Kebanyakan orang Cina di An Giang terlibat dalam penghasilan kraf tangan dan perdagangan. Orang Cina di An Giang masih mengekalkan kebudayaan tradisional mereka. Kebanyakan orang Cina di An Giang beragama Buddha.<sup>82</sup>

---

<sup>80</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam)..

<sup>81</sup> *Geographie : Physique, Economique Et Illustrative De La Cochinchine : Monographie De La Province De My-Tho*, IVe : Imprime L. Menard, 1902, hlm.83,

<sup>82</sup> *Trang Vang Nguoi Hoa Thanh Pho Ho Chi Minh va Nam Bo* (Kecemerlangan Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh dan Selatan Vietnam), Nha Xuat Ban Lao Dong. 2007, hlm.318.



Soc Trang terletak di dataran Mekong, selatan Vietnam. Sejarah kewujudan orang Cina di Soc Trang dapat dikesan sejak abad ke-18 apabila kuil Vo De Thanh Dien telah dibina oleh masyarakat Cina pada tahun 1761.

Di Cantho, Orang Cina sudah bertapak di sini pada abad ke-17. Kebanyakan orang Cina di sini terdiri daripada suku Quang Dong. Mereka meneroka dan membangunkan Can Tho bersama dengan penduduk tempatan di sini.

Phan Thiet terletak di Binh Thuan, dataran Mekong, selatan Vietnam. Pembentukan komuniti Cina di sini dapat dikesan pada abad ke-18. Pada tahun 1725, beberapa orang pedagang Cina yang berdagang di pasar Dinh (Phu Hai) telah menderma untuk membina kuil Thien Hau (Mieu Tho Ba). Pada zaman silam, para pedagang Cina yang ingin berniaga di Phu Hai, mereka perlu mengalami pelbagai risiko di laut sebelum sampai ke Phu Hai. Apabila pedagang Cina selamat sampai di Phan Thiet, mereka mempercayai bahawa Tuhan Laut Wanita iaitu Tuhan Thien Hau telah memberi perlindungan kepada mereka sepanjang perjalanan di laut. Maka, apabila orang Cina tinggal di sini, mereka mula mengutip derma untuk membina kuil Thien Hau.<sup>83</sup>

Tidak ramai orang Cina menetap di Vinh Long. Pada tahun 1784, hanya terdapat 53 orang Cina yang menetap di Vinh Long. Kewujudan orang Cina di Vinh Long, dataran Mekong juga dapat dikesan melalui pembentukan kampung *Minh Huong* di sini. Menurut maklumat *Han Nom*, sejak tahun 1783, orang utama bagi kampung *Minh Huong* di daerah Vinh Long dipanggil sebagai ketua. Misalnya ketua Mac Tu Thinh, ketua Lien Tien

---

<sup>83</sup> Ibid., hlm.372.

Phuong dan ketua Lam Cong Nhat. Akan tetapi sejak tahun 1823, gelaran bagi orang utama telah bertukar dan dipanggil sebagai ketua masyarakat bagi masyarakat baru. Pada tahun 1784, hanya terdapat 53 orang Cina yang menetap di Vinh Long.<sup>84</sup>

## **Rumusan**

Dasar keterbukaan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam telah mendorong ramai orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan dan seterusnya memulakan lembaran hidup baru di negara baru. Ekoran daripada dasar tersebut, akhirnya terbentuk sebuah komuniti Cina yang besar di selatan Vietnam pada abad yang ke-18.

Kawasan selatan Vietnam merujuk Quang Binh, Quang Tri, Thua Thien - Hue dan kawasan-kawasan lain di selatan Vietnam. Komuniti Cina di selatan Vietnam telah membina kampung-kampung *Minh Huong* untuk orang Cina dinasti Ming dan kampung-kampung *Thanh Ha* untuk orang Cina dinasti Qing. Kampung *Minh Huong* dan kampung *Thanh Ha* dibincang dalam bab seterusnya.

---

<sup>84</sup> Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.15.